



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP



BERITA

24 JAM

KPDN

KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

Untuk makluman:

- | | |
|-----------------------|---------------------|
| ● YB Menteri | ● YBhg. TKSU (PPDN) |
| ● YB Timbalan Menteri | ● YBhg. TKSU (PP) |
| ● YBhg. KSU | ● Setiausaha Akhbar |

Tarikh: 6 Februari 2024



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR

KPDN



LORI yang dirampas ketika sindiket cuba menyeludup dengan memindahkan minyak diesel bersubsidi di sebuah premis di Kawasan Perindustrian Plentong, Masai, Johor Bahru, Selasa lalu.

Empat suspek ditahan ketika pindah minyak di Masai **'Sedut' 81,400 minyak diesel subsidi**

Oleh MOHAMAD FAIZAL HASHIM

JOHOR BAHRU – Kegiatan penyeludupan diesel bersubsidi sebanyak 81,400 liter yang dianggarkan bernilai lebih RM175,000 berjaya dipatahkan setelah sebuah premis di Kawasan Perindustrian Plentong, Masai di sini diserbu polis, Selasa lalu.

Ketua Polis Johor, Komisioner M. Kumar berkata, dalam serbuan pukul 9.30 malam itu, polis telah menahan empat lelaki tempatan berusia 32 sehingga 43 tahun.

Katanya, ketika serbuan dijalankan, kesemua suspek sedang memindahkan diesel dari tangki ke dalam lori tangki dan dari lori ke dalam tangki jenis IBC di premis tersebut.

“

Ketika serbuan dijalankan, kesemua suspek sedang memindahkan diesel dari tangki masuk ke dalam lori tangki dan dari lori ke dalam tangki jenis IBC.”

“Hasil pemeriksaan mendapati terdapat tiga jenis tangki dan tiga jenis tangki IBC yang dipercayai mengandungi diesel bersubsidi berjumlah 81,400 liter.

“Selain itu terdapat lima buah pam beserta meter, tiga pam tidak bermeter dan hos yang disam-

bungkan dengan beberapa buah lori,” katanya dalam kenyataan.

Kumar berkata, nilai keseluruhan rampasan dan diesel bersubsidi berjumlah RM920,022.

Katanya, empat suspek tersebut ditahan bagi membantu siasatan lanjut dijalankan.

“Hasil semakan lampau mendapati dua daripada suspek berkenaan mempunyai rekod jenayah lampau.

“Polis Johor akan terus membanteras kegiatan penyeludupan diesel dan menasihatkan mereka yang masih terlibat agar menghentikan aktiviti ini kerana pihak polis tidak akan berkompromi serta akan terus menjejaki mereka,” ujarnya.

Kes disiasat mengikut Seksyen 21 Akta Kawalan Bekalan 1961.



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR

UMUM



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Promosi Energy Stick sasar kanak-kanak

Produk perlu segera dibanteras elak bawa kesan buruk kepada generasi muda

Oleh Amir Abd Hamid
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Produk penyedut hidung (nasal inhaler) atau dipanggil sebagai Energy Stick adalah jelas promosi dan perniagaan produk buruk yang menyasar generasi muda, terutama kanak-kanak.

Pakar perubatan kesihatan

awam, Datuk Dr Zainal Ariffin Omar, berkata produk itu membawa risiko bahaya langsung akibat bahan dan cara yang digunakan.

"Cara penggunaannya juga sama seperti satu daripada kaedah penyalahgunaan dadah melalui hidung (snorting).

"Sekiranya tidak dibanteras oleh pihak berkuasa dan masyarakat tidak mengambil peduli, adalah dikhawatiri nanti mewujudkan budaya negatif dalam kalangan masyarakat negara ini," katanya.

Bertindak segera

Justeru, Dr Zainal berkata, pihak berkuasa seperti Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Kementerian Perdagangan Dalam Ne-

KKM ambil tindakan segera penjualan 'Energy Stick'



Keratan akhbar BH, semalam.

geri dan Kos Sara Hidup (KPDN) serta pihak berkuasa tempatan (PBT) perlu bertindak segera menghentikannya.

"Pihak berkuasa tolonglah, jangan tunggu lama-lama sehingga ia menjadi barah merebak menjadi budaya negatif.

"Ibu bapa, masyarakat dan pniaga juga perlu bantu dalam tindakan bersama untuk melum-

puhkan terus perniagaan seumpamanya," katanya.

Terdahulu kelmarin, KKM memaklumkan akan mengambil tindakan segera terhadap kewujudan produk penyedut hidung atau dikenali sebagai Energy Stick yang kini giat dipromosikan menerusi sosial media.

Menterinya, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad, dilaporkan berkata sudah menerima aduan dan amaran berhubung produk berkenaan.

Namun tinjauan mendapati Energy Stick kononnya sebagai produk memberi kesegaran kepada pengguna yang turut menyasar golongan pelajar itu didapati masih berlambak dijual serta dipromosikan di pasaran terbuka menerusi platform media sosial.

Produk bawa risiko bahaya

Kuala Lumpur: Produk penyedut hidung (*nasal inhaler*) atau dipanggil sebagai *Energy Stick* ibarat menyasarkan produk tidak baik kepada generasi muda terutama kanak-kanak.

Pakar kesihatan awam, Datuk Dr Zainal Ariffin Omar berkata, produk itu membawa risiko bahaya secara langsung akibat bahan dan cara penggunaan.

"Cara penggunaannya juga sama seperti satu daripada kaedah penyalahgunaan dadah melalui hidung (*snorting*).

"Sekiranya ia tidak dibanteras oleh pihak berkuasa dan masyarakat tidak mengambil peduli, adalah dikhuatiri mewujudkan budaya negatif da-

lam kalangan masyarakat di negara ini," katanya.

Katanya, berikutan itu pihak berkuasa terutama Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Polis Diraja Malaysia (PDRM) serta Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) perlu bertindak segera untuk menghentikannya.

"Pihak berkuasa tolonglah jangan tunggu lama-lama sehingga ia boleh menjadi barah yang merebak menjadi budaya negatif.

"Pihak ibu bapa, masyarakat dan peniaga juga perlu bantu dalam tindakan bersama untuk melumpuhkan terus perniagaan seumpamanya," katanya.

Harga ayam di Johor naik 30 sen sekilogram

Pembekal beri alasan bekalan terhad menjelang Tahun Baharu Cina

Oleh Mohamed Farid Noh
farid_noh@bh.com.my

Johor Bahru: Harga ayam segar yang dijual di sekitar bandar raya ini naik 30 sen kepada RM9.80 sekilogram, mulai semalam, iaitu kenaikan kali ketiga dalam tempoh dua minggu.

Tinjauan di pasar basah di sekitar Perling, Tampoi dan Skudai mendapati kenaikan harga ayam segar itu menyebabkan jualan ayam segar tidak serancak sebelum ini, malah pelanggan dilihat lebih banyak membeli bahagian tertentu ayam diperlukan saja.

Peniaga ayam segar, Daud Ismail, 40, berkata kenaikan harga ayam mentah yang semakin ke-

rap itu memberi tekanan kepada peniaga yang kini semakin terhimpit.

"Sebelum ini harga ayam segar hanya RM7.90 sekilogram, namun selepas tiga kali kenaikan, kami peniaga terpaksa menjual dengan harga RM9.80 sekilogram mulai hari ini (semalam).

"Ia tidak dapat dielakkan berikutan harga ayam datang daripada pembekal RM8.70 hingga RM9.10 sekilogram hari ini (semalam), jadi kami hanya dapat untung RM1.10 atau kurang RM1 setiap kilogram dengan tanggungan sewa lot niaga, gaji pekerja dan bil utiliti.

"Hari ini (semalam), pembekal memberi bayangan harga ayam segar akan naik lagi sehari dua menjelang Tahun Baharu Cina nanti dengan alasan bekalan terhad, selain permintaan tinggi kerana perayaan," katanya ketika ditemui, semalam.

Dakwa bekalan tak banyak

Seorang lagi peniaga ayam segar yang mahu dikenali sebagai Az-



Harga ayam segar yang dijual di sekitar bandar raya Johor naik 30 sen kepada RM9.80 sekilogram, mulai semalam. (Foto Nur Aisyah Mazalan/bh)

man, 45, mendakwa alasan bekalan ayam segar terhad menjelang musim perayaan sering digunakan pembekal untuk menaikkan harga bahan mentah itu.

"Bagaimanapun, peniaga yang menjadi sasaran kemarahan pembeli yang menuduh kami mengambil kesempatan pada musim perayaan.

"Pembekal mendakwa kononnya bekalan ayam tidak banyak

diterima dan saiz ayam dihantar kepada peniaga pula kecil, tetapi agak pelik apabila keadaan berubah selepas ini dengan bekalan ayam yang melambak," katanya.

Sementara itu, pengguna, Sufian Mohd Noor, 52, berkata beliau tiada pilihan dengan hanya membeli bahagian ayam tertentu saja berbanding membeli seekor atau dua ekor ayam setiap lima hari sekali.

"Harga ayam kebelakangan ini sering naik. Jika dulu selepas penghapusan apungan harga, ayam masih murah iaitu antara RM6.90 hingga RM7.90 sekilogram.

"Pengguna berkeluarga besar seperti saya terbeban jika membeli dua ekor ayam macam dulu, jadi saya hanya beli bahagian tertentu saja supaya dapat berjimat," katanya.



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

BERITA ONLINE

KPDN



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

BERITA ONLINE BERTARIKH 6 FEBRUARI 2024

TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
6-Feb	Fuziah jamin bekalan makanan cukup sepanjang Tahun Baharu Cina	https://www.suarakeadilan.my/post/fuziah-jamin-bekalan-makanan-cukup-sepanjang-tahun-baharu-cina	SUARA KEADILAN
6-Feb	Program Jualan Rahmah Bergerak ringankan beban kewangan penduduk	https://suarasarawak.my/program-jualan-rahmah-bergerak-ringankan-beban-kewangan-penduduk/	SUARA SARAWAK
6-Feb	Jualan Rahmah Bergerak Dapat Sambutan Luar Biasa Warga Binjul Dalam	https://malaysiaaktif.my/2024/02/jualan-rahmah-bergerak-dapat-sambutan-luar-biasa-warga-binjul-dalam/	MALAYSIA AKTIF
6-Feb	Increased allocation for Jualan Rahmah programme in Johor	https://www.thestar.com.my/news/nation/2024/02/05/increased-allocation-for-jualan-rahmah-programme-in-johor	THE STAR
6-Feb	TINDAKAN KES DIHASILKAN DIBAWAH AKTA KAWALAN BEKALAN 1961	https://www.mkn.gov.my/web/ms/2024/02/05/tindakan-kes-dihasilkan-dibawah-akta-kawalan-bekalan-1961-51/	MAJLIS KESELAMATAN NEGARA
6-Feb	KPDN Bintulu Rampas 6,000 Liter Diesel Tanpa Permit Sah	https://harapanmadani.com/kpdn-bintulu-rampas-6000-liter-diesel-tanpa-permit-sah/	HARAPAN MADANI
6-Feb	Bintulu KPDN foils subsidised diesel misappropriation	https://www.newsarawaktribune.com.my/bintulu-kpdn-foils-subsidised-diesel-misappropriation/	NEW SARAWAK TRIBUNE
6-Feb	6,000 liter minyak diesel bersubsidi dirampas di Kuala Segan Bintulu	https://suarasarawak.my/6000-liter-minyak-diesel-bersubsidi-dirampas-di-kuala-segan-bintulu/	SUARA SARAWAK

6-Feb	KPDN Bintulu seizes controlled items worth RM1,275 from supermarket	https://www.theborneopost.com/2024/02/05/kpdn-bintulu-seizes-controlled-items-worth-rm1275-from-supermarket/	THE BORNEO POST
6-Feb	KPDN Bintulu rampas 510 kilogram minyak masak paket	https://b.cari.com.my/forum.php?mod=viewthread&tid=5305362	CARI
6-Feb	Sorok lebih 500 kg minyak masak paket, peniaga bakal berdepan tindakan	https://suarasarawak.my/sorok-lebih-500-kg-minyak-masak-paket-peniaga-bakal-berdepan-tindakan-2/	SUARA SARAWAK
6-Feb	KPDN: Festive price control scheme for 11 items in effect Feb 6-14	https://www.theborneopost.com/2024/02/06/kpdn-festive-price-control-scheme-for-11-items-in-effect-feb-6-14/	THE BORNEO POST